INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA
IKMa/BIL.26/2026

(1)

TAWARAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA-MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA BANGUNAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa),103 JALAN TEMPLER,46700 PETALING JAYA,SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MULAI 1 JANUARI 2027 SEHINGGA 31 DISEMBER 2028

NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA : IKMa/BIL.26/2026

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
AGENSI DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (KUSKOP)

KENYATAAN SEBUTHARGA

NOMBOR SEBUTHARGA	:	**IKMa/BIL.26/2026**
BUTIRAN-BUTIRAN SEBUTHARGA	:	**TAWARAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA-MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA BANGUNAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa),103 JALAN TEMPLER,46700 PETALING JAYA,SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MULAI 1 JANUARI 2027 SEHINGGA 31 DISEMBER 2028**
KELAYAKAN PENYEBUTHARGA	:	• **BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF) YANG MASIH LAKU DI BAWAH KOD BIDANG:** ✓ **MAKANAN, MINUMAN DAN BAHAN MENTAH 040103-Makanan Bermasak (Islam)**
TARIKH IKLAN DAN WAKTU DOKUMEN DIEDAR	:	**23 OKTOBER 2026 (JUMAAT)**
BUTIR-BUTIR TAKLIMAT SEBUTHARGA DAN LAWATAN TAPAK	:	**28 OKTOBER 2026 (RABU)**
TARIKH DAN WAKTU TAWARAN SEBUTHARGA DITUTUP	:	**3 NOVEMBER 2026 (SELASA)** **WAKTU SEBELUM JAM 12.00 TENGAH HARI**

Nota:

1. Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun melalui laman sesawang rasmi Institut Koperasi Malaysia (IKMa) **www.ikma.edu.my** mulai **23 Oktober 2026 (Jumaat)**.

2. Setiap dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat saiz A3 atau A4 dan **wajib** menulis di sudut atas kiri muka hadapan sampul surat tersebut dengan nombor sebutharga.

3. Dokumen sebutharga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri ke dalam Peti Tawaran di;-

   Peti Sebutharga
   Tingkat 1, Depan Unit Kewangan Dan Perolehan (UKP),
   Institut Koperasi Malaysia (IKMa),
   103,Jalan Templer,
   46700 Petaling Jaya,
   Selangor Darul Ehsan.

4. Dokumen Sebutharga yang lewat diterima dan tidak lengkap **tidak akan dipertimbangkan**.

5. IKMa tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga tanpa perlu memberi sebab penolakan. Keputusan IKMa adalah muktamad.

6. IKMa berhak untuk membatalkan perlantikan syarikat sekiranya perkhidmatan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/tawaran yang dipersetujui seperti di dalam dokumen sebutharga.

7. Sebarang pertanyaan berkaitan perolehan ini sila hubungi:

Nama Pegawai	Unit/Sektor/Zon/Cawangan	No Telefon
Noorlinda Rahimi	Unit Tadbiran Am (UTA)	03-79649000

(2)

LAMPIRAN Q

(Kew. 284-Pin. 5/94)

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

No. Sebutharga **IKMa/BIL.26/2026**

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebutharga.

Kepada (Nama Syarikat): .... No. Telefon: ..... No. Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia : ..... Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini: **040103**	Pelawaan sebutharga dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan : **INSTITUT KOPERASI MALAYSIA** **103,JALAN TEMPLER,** **46700 PETALING JAYA,** **SELANGOR DARUL EHSAN.** No. telefon: **03-79649000** Tarikh: **23 OKTOBER 2026 (JUMAAT)**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

   1.1 Syarat penyerahan/penyempurnaan berdasarkan spesifikasi sebutharga.

   1.2 Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki .....

   1.3 Arahan pengiriman **DOKUMEN SERAHAN TANGAN SAHAJA**

   1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **IKMa/BIL.26/2026**

   1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam **12.00 Tengah Hari Pada 3 NOVEMBER 2026 (SELASA)**

   1.6 Tempoh sah laku sebutharga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup.

Tandatangan: .....

Nama Pegawai: SHAMSURI BIN SALLEH

Jawatan: Pengarah Kewangan Dan Pembangunan
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-7964 9170 Fax: 03-7967 0434

Tarikh: **23 OKTOBER 2026 (JUMAAT)**

Bil.	Perihal bekalan/perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Kementerian/Jabatan				Untuk diisi oleh Penyebutharga	
IKMa/BIL.26 /2026	**TAWARAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA-MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA BANGUNAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa),103 JALAN TEMPLER,46700 PETALING JAYA,SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MULAI 1 JANUARI 2027 SEHINGGA 31 DISEMBER 2028**			**HARGA BERSIH TERMASUK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (SST)**	

(i) Harga yang ditawarkan adalah **harga bersih termasuk cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST)** ; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah.....

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan:
Penyebut Harga: .....
Tarikh:..... Nama dan K/P: .....
Alamat Syarikat: .....

Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. **KEADAAN BARANG**
   Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. **HARGA**
   Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**
   Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. **BARANG SETARA**
   Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. **PERSETUJUAAN**
   (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
   (ii) Setiap butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. **PEMERIKSAAN**
   (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
   (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**
   Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;

(ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan

(iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

(i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

(ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

(i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut normal perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;

(ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

(iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

(3)
SURAT AKUAN PEMBIDA
-LAMPIRAN F-

LAMPIRAN F

SURAT AKUAN PEMBIDA

TAWARAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA-MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA BANGUNAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa),103 JALAN TEMPLER,46700 PETALING JAYA,SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MULAI 1 JANUARI 2027 SEHINGGA 31 DISEMBER 2028

SEBUTHARGA: IKMa/BIL.26/2026

1. Saya,.....(Nama Wakil Syarikat), No.Kad Pengenalan.....mewakili..... (NamaSyarikat) nombor pendaftaran.....(MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang mewakili syarikat ini:

   i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
   ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

   Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Institut Koperasi Malaysia (IKMa)** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

   2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
   2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa:

   3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* dan Kanun Keseksaan *[Akta 574]* serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i)dalam surat akuan ini;atau

   3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 *[Akta 712]* atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk memenuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712,syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti *(turn over)* seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya falam bahawa syarikat melakukann kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat**memberikan,menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan atau feadah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No.KP : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

Catatan:

(i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 *[Akta 694]* yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan *[Akta 574]*.

(ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.

(iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.

(iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.
Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

(4)

SENARAI SEMAK DOKUMEN SEBUT HARGA

(WAJIB HANTAR DOKUMEN BERKAITAN)

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

SENARAI SEMAK
(BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

SILA TANDAKAN BAGI [/] DOKUMEN-DOKUMEN YANG DISERTAKAN.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan Malaysia **(masih tempoh sah laku)** (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan Malaysia **(masih tempoh sah laku)** (Bekalan /Perkhidmatan)		
3.	Salinan Kod Bidang Seperti di bawah **(masih tempoh sah laku)**		
	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) **040103**		
4.	Salinan No.Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang Sah Dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) (jika berkaitan)		
5.	Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
6.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
7.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		
8.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi (3) Bulan terakhir yang telah dicop sebagai pengesahan oleh pihak bank sahaja		
9.	Salinan SSM dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia **(masih tempoh sah laku)**		
10.	Salinan Pengalaman Syarikat Berkaitan Perolehan Tersebut		
11.	Salinan Profail Syarikat		
12.	Lain-Lain Sekiranya Ada		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. **Tandatangan :** **Nama :** **Jawatan :** **Tarikh :**	Jawatankuasa Pembuka Sebut harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada) **Tandatangan :** **Nama :** **Jawatan :** **Tarikh :** **Tandatangan :** **Nama :** **Jawatan :** **Tarikh :**

(5)

DOKUMEN SEBUTHARGA ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM DAN JADUAL TAWARAN HARGA

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
(IKMa)

DOKUMEN SEBUT HARGA

UNTUK

TAWARAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA – MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA BANGUNAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) BAGI TEMPOH (DUA) 2 TAHUN MULAI 1 JANUARI 2027 HINGGA 31 DISEMBER 2028

TAWARAN PENYEWAAN DAN PENGURUSAN KAFETERIA – MENJALANKAN PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA BANGUNAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN MULAI 1 JANUARI 2027 HINGGA 31 DISEMBER 2028

MUSTAHAK

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMAHAMI DAN MEMATUHI SYARAT DAN PERATURAN YANG TELAH DITETAPKAN BAGI SEBUT HARGA INI

A. PELAWAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Pengusaha Makanan yang berpengalaman dan berdaftar dengan pendaftar Perniagaan / Pendaftar Syarikat di bawah kod bidang (040103) yang masih dalam tempoh sah laku sekurang-kurangnya lima (5) bulan dari tarikh tutup iklan untuk menyertai sebut harga di atas untuk menjalankan perniagaan makanan halal di Kafeteria **(Keluasan 150 meter persegi)** di Bangunan Institut Koperasi Malaysia selama 2 tahun mulai **1 Januari 2027 hingga 31 Disember 2028.**

2. Penyebut Harga yang dipelawa boleh terdiri daripada:

   Syarikat/Organisasi

(a) Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi syarikat;

(b) Berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan (ROS) bagi organisasi;

(c) Tidak muflis;

(d) Memorandum and Articles (M&A) membenarkan memegang sewaan (jika ada); dan

(e) Alamat berdaftar di dalam Selangor.

3. Sebut harga akan ditutup pada **3 November 2026 (Selasa)** pukul 12.00 tengahari. Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan dan berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Institut Koperasi Malaysia 103 Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya sebelum atau pada tarikh dan masa yang ditetapkan di atas. Sebut harga yang lewat akan ditolak.

4. Lawatan tapak akan diadakan pada **28 Oktober 2026 (Rabu)** jam 10.00 pagi dan ia adalah diwajibkan.

5. Rujukan Sebut Harga : **IKMa/BIL.26/2026** hendaklah dicatat pada atas sebelah kiri sampul surat sebut harga.

B. SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA

1. Syarikat dikehendaki mengemukakan **satu salinan surat pendaftaran dengan Kementerian Kewangan Malaysia, penyata bank syarikat dan profil syarikat.**

2. **"Kadar sebut harga"** hendaklah disebutkan secara jumlah keseluruhan bagi mengadakan penyewaan dan pengurusan Kafeteria untuk jangka masa **satu bulan kalendar.**

3. Sebelum menandatangani kontrak / surat perjanjian, pengusaha yang berjaya mendapat tawaran, dikehendaki membayar **Wang Cagaran Keselamatan** (Security Deposit) **sebanyak tiga bulan sewaan**. Wang Cagaran Keselamatan (Security Deposit) ini boleh dimasukkan ke **Akaun Penerimaan Kecil IKM** bank **CIMB,** nombor akaun **800 22 894 88** atau dibayar dalam bentuk cek atau bank draf atas nama **Akaun Penerimaan Kecil IKM** dan kemukakan slip pembayaran sebagai bukti ke Unit Kewangan dan Akaun (Ibu pejabat) Institut Koperasi Malaysia dalam tempoh seminggu daripada surat tawaran.

4. Cagaran ini akan dikembalikan kepada Pengusaha dalam tempoh sebulan sesudah kontrak ini tamat dan tertakluk kepada apa-apa potongan yang dibuat oleh IKMa mengikut peruntukan dalam kontrak ini berhubung dengan apa-apa kegagalan melaksanakan kontrak ini atau apa-apa pelanggaran syarat- syarat kontrak ini dilakukan oleh Pengusaha di bawah kontrak ini. Pengusaha boleh menuntut wang cagaran keselamatan setelah perjanjian ini disempurnakan dengan baiknya.

5. IKMa berhak menamatkan kontrak bila - bila masa terhadap perkhidmatan yang gagal mematuhi perjanjian kontrak ini tanpa apa-apa tuntutan ganti rugi.

6. IKMa tidak terikat untuk menerima mana-mana sebut harga yang tertinggi/terendah dan sebagainya.

7. Syarikat dikehendaki mengemukakan satu salinan kad suntikan pelalian thypoid bagi pengusaha sendiri dan semua pekerja yang akan bekerja di Kafeteria IKMa.

8. Pengusaha tidak dibenarkan menjalankan aktiviti/perniagaan lain di dalam kafeteria IKMa.

C. SYARAT-SYARAT PERNIAGAAN MAKANAN HALAL DI KAFETERIA INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) JALAN TEMPLER PETALING JAYA

1. Tawaran sebut harga Kafeteria hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Sebut Harga** yang disediakan oleh IKMa.

2. Hanya barang-barang / makanan / minuman yang dibenarkan sahaja boleh dijual.

3. Sewa Kafeteria mestilah dibayar setiap bulan dan bayaran sewa hendaklah dijelaskan **sebelum atau selewat-lewatnya 7 haribulan** bulan berikutnya.

4. Kadar sewa yang ditawarkan tidak boleh diubah pinda pada bila-bila masa pun.

5. Kadar sewaan Kafeteria IKMa Jalan Templer adalah termasuk bil-bil elektrik dan air serta lain-lain bil yang berkaitan dalam menjalankan operasi Kafeteria ini. Pengusaha yang dilantik juga dikehendaki membeli insurans kebakaran yang sesuai untuk lot bangunan Kafeteria IKMa Jalan Templer.

6. Pengusaha hendaklah menggunakan pekerja-pekerjanya sendiri. Peralatan memasak, pinggan-mangkuk, bahan pembakar dan lain-lain hendaklah juga disediakan oleh pengusaha sendiri.

7. Keceriaan perlu disediakan seperti:
   - Alas Kerusi/meja
   - Langsir tingkap
   - Perhiasan yang sesuai

8. IKMa tidak terikat untuk menerima sebarang syarat yang ditetapkan oleh pihak Pengendali / Pengusaha makanan.

9. Jika kerosakan atau kehilangan barang-barang yang dibekalkan oleh IKMa berlaku di Kafeteria, maka pihak pengusaha hendaklah bertanggungjawab untuk membaikinya atau menggantikannya dengan nilaian kos tahun semasa.

10. Penyelenggaraan pendingin hawa di Kafeteria IKMa adalah di bawah tanggungjawab IKMa sendiri.

11. Anggaran keseluruhan pelanggan di IKMa Jalan Templer ialah 250 orang. Bilangan boleh berubah dan Kafeteria dibuka kepada orang awam sebagai pelanggan.

12. Waktu operasi adalah :
    7.30 pagi – 5.00 petang (Isnin - Jumaat)
    ** tutup pada Sabtu & Ahad (cuti umum/hari kelepasan am)*
    **Tertakluk kepada arahan Pengurusan Atasan dan perubahan waktu yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa*

13. Penjagaan kebersihan dan kekemasan makanan, peralatan, pekerja dan persekitaran adalah perkara utama di bawah tanggungjawab pengusaha.
14. Senarai harga makanan dan minuman yang dijual mestilah dipaparkan di papan kenyataan. Satu salinan senarai tersebut hendaklah diberi kepada Unit Tadbiran Am, IKMa Jalan Templer.
15. Pengusaha hendaklah bersedia untuk menyediakan makanan/minuman (sajian jamuan) pada majlis-majlis rasmi jabatan ketika diperlukan dan pembayaran akan menggunakan Pesanan Tempatan Kerajaan.

16. Pekerja-pekerja hendaklah diakui sihat oleh pegawai perubatan dan keterangannya hendaklah ditunjuk. Mereka mestilah berpakaian kemas dan bersih. Mereka juga diwajibkan memakai "apron" dan menutup rambut. Mereka dikehendaki memakai kasut bukan selipar.

17. Pengusaha tidak dibenar menyerahkan hak, menyewa atau melepaskan milik bangunan Kafeteria atau mana-mana bahagian daripadanya kepada orang lain.

18. Sampah sarap hendaklah dibuang di dalam tempat sampah yang bertutup dan kebersihannya hendaklah selalu dijaga supaya kawasan Kafeteria IKMa sentiasa bersih. Pengusaha hendaklah memastikan pembuangan sisa makanan dan sampah dibuat secara teratur.

19. IKMa berhak memindahkan peralatan yang boleh dipindahkan supaya pembersihan/pembaikan dapat dibuat.

20. Semua makanan hendaklah bersih, bermutu dan berzat serta terkawal dari lalat/serangga pembawa penyakit dan lain-lain kekotoran.

21. Semua makanan dan minuman yang disediakan mestilah halal. Makanan dan minuman yang tidak halal adalah dilarang. Rokok tidak dibenarkan dijual dan larangan merokok perlu dipaparkan di dalam Kafeteria.

22. Semua peralatan termasuk kerusi dan meja yang berada di Kafeteria hendaklah sentiasa bersih di atas tanggungjawab pengusaha.

23. Lantai Kafeteria termasuk perangkap minyak (*grease trap*) kaki lima dan longkang sekeliling hendaklah dicuci pada tiap- tiap hari supaya dalam keadaan bersih sepanjang masa.

24. Kipas dan ekzos fan juga perlu sentiasa dicuci agar sentiasa dalam keadaan bersih.

25. Penyelenggaraan wear and tear seperti mentol lampu, tombol pintu dan pili air di bawah tanggungjawab pengusaha.

26. Pengusaha Kafeteria mestilah sentiasa bersedia menerima pandangan dan teguran daripada pihak pengurusan IKMa untuk sebarang penambahbaikan.

27. Pihak pengurusan IKMa berhak mengenakan denda (jumlah yang sesuai) dan membatalkan urus niaga dan perkhidmatan Kafeteria jika pengusaha tidak mematuhi mana-mana peraturan urus niaga perkhidmatan Kafeteria di IKMa Jalan Templer.

28. Senarai nama dan gambar pekerja Kafeteria hendaklah dikemukakan kepada pentadbiran dalam tempoh 2 minggu selepas perjanjian ditandatangani.

29. Semua pekerja dan pengusaha Kafeteria hendaklah telah diberi suntikan pelalian thypoid dan menyertakan satu salinan kad suntikan tersebut kepada pihak pengurusan IKMa selewat-lewatnya 2 minggu selepas perjanjian ditandatangani.

30. Semua pekerja dan pengusaha hendaklah telah memperoleh Kursus Pengendalian Makanan yang dianjurkan oleh pihak berkuasa tempatan atau syarikat-syarikat swasta yang bertauliah dan satu salinan sijil hendaklah dikemukakan kepada IKMa dalam tempoh 1 bulan selepas perjanjian ditandatangani.

D. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DIBENARKAN

1. Tikar, bantal atau kain tidak dibenarkan digantung atau disidai di dalam atau di luar Kafeteria.
2. Tidak dibenarkan tidur di Kafeteria.
3. Orang yang mengidap penyakit kulit atau penyakit yang berjangkit tidak dibenarkan bergaul, masuk atau membantu bekerja di Kafeteria.
4. Tidak dibenarkan memelihara binatang di Kafeteria.
5. Tidak dibenarkan merokok semasa menyediakan makanan.
6. Pekerja dilarang menyimpan kuku yang panjang.
7. Pekerja dilarang memakai selipar.
8. Dilarang menyediakan makanan dan minuman tidak halal.

LAMPIRAN A

BORANG PERMOHONAN SEWA KAFETERIATARIA
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa) PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN

A. MAKLUMAT PEMOHON

INDIVIDU	Semakan Pejabat (/)	SYARIKAT/ PERTUBUHAN/ KOPERASI	Semakan Pejabat (/)
Sila Sertakan : i. Salinan Kad Pengenalan	( )	Sila Sertakan : i. Salinan Sijil Pendaftaran ii. Salinan Borang 24 Akta Syarikat iii. Salinan Borang 49 Akta Syarikat iv. Salinan Artikel M.A.A v. Salinan Undang-undang Tubuh/ Kecil vi. Salinan Pendaftaran Koperasi	( ) ( ) ( ) ( ) ( ) ( )

1.	Nama		1.	Nama	
2.	No. K/P		2.	No. Daftar	
3.	Alamat		3.	Alamat	
4.	Pekerjaan		4.	Jenis Perniagaan	
5.	Pendapatan		5.	Modal Dibenarkan	
6.	No.Telefon		6.	Modal Berbayar	
			7.	No.Telefon	

B. MAKLUMAT TAWARAN

Saya.....(nama penuh)... menawarkan untuk menjalankan perkhidmatan Kafeteria di bangunan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) Jalan Templer Petaling Jaya dan menawarkan sewaan bulanan sebanyak (RM .....) bagi tempoh seperti yang dinyatakan di atas.

C. PERAKUAN PEMOHON

Bahawasanya saya mengaku maklumat yang diberikan di atas adalah benar dan saya sehingga kini tidak pernah diisytiharkan sebagai muflis.

Tandatangan : .....

Nama : .....

Jawatan dan

Cop Syarikat : .....

Tarikh : .....

KEGUNAAN PEJABAT	
Tarikh Terima	
Status	*Lengkap/ Tak Lengkap
Penerima	

SENARAI HARGA MAKANAN DAN MINUMAN

1. MINUMAN

AIR	KUANTITI/SAIZ	HARGA (RM)
MINUMAN PANAS	**(cawan/mug)**	
Barli	1 cawan	
Horlick	1 cawan	
Kopi	1 cawan	
Kopi ginseng	1 cawan	
Kopi O	1 cawan	
Kopi susu	1 cawan	
Limau Kasturi	1 cawan	
Nescafe	1 cawan	
Nescafe O	1 cawan	
Teh O	1 cawan	
Teh tarik	1 cawan	
Lain-lain(sila nyatakan)		
Lain-lain(sila nyatakan)		

MINUMAN BERKARBONAT		
7 up	1 Tin	
Coca-cola	1 Tin	
Mirinda Orange	1 Tin	
Mirinda Strawberry	1 Tin	
Pepsi	1 Tin	
Lain-lain(sila nyatakan)		
JUS / AIR BUAH-BUAHAN		
Mangga	1 Gelas	
Soya	1 Gelas	
Tebu Belimbing	1 Gelas	
Lain-lain(sila nyatakan)		

AIR	KUANTITI /SAIZ	HARGA (RM)
Epal	1 Gelas	
Nenas	1 Gelas	
Oren	1 Gelas	
Tembikai	1 Gelas	
Lain-lain (sila nyatakan)		
MINUMANBOTOL/TIN/KOTAK		
100 Plus	325ml	
Diet Coke	325ml	
Drinho Chrysanthemum	250ml	
Drinho Cincau	250ml	
Drinho Lychee	250ml	
Local Mineral Water	500ml	
Lain-lain (sila nyatakan)		

*** Nota:**
Ukuran cawan - 8 oz (kandungan air)
Ukuran gelas - 12oz (kandungan air)

2. NASI LEMAK & NASI IMPIT / LONTONG / MEE

MENU MASAKAN	KUANTITI / SAIZ	HARGA (RM)
Nasi Lemak Biasa	1 Pinggan	
Nasi Impit	1 Pinggan	
Lontong Biasa	1 Pinggan	
Ayam Goreng	1 Ketul	
Ayam Merah	1 Ketul	
Ayam Rendang	1 Ketul	
Daging Rendang	1 Senduk	
Daging Goreng	1 Senduk	
Daging Sambal	1 Senduk	
Paru goreng	1 Senduk	
Sambal Kerang	1 Senduk	
Sambal Udang	1 Senduk	
Sambal Sotong	1 Senduk	
Lain-lain (sila nyatakan)		

3. ALA CARTE

MENU MASAKAN	KUANTITI / SAIZ	HARGA (RM)
Nasi Ayam	1 Pinggan	
Nasi Beriyani	1 Pinggan	
Nasi Dagang	1 Pinggan	
Nasi Kerabu	1 Pinggan	
Nasi Tomato	1 Pinggan	
Nasi Goreng Ayam	1 Pinggan	
Nasi Goreng Biasa	1 Pinggan	
Nasi Goreng Cendawan	1 Pinggan	
Nasi Goreng Cina	1 Pinggan	
Nasi Goreng Daging Merah	1 Pinggan	
Nasi Goreng Ikan Masin	1 Pinggan	
Nasi Goreng Kampung	1 Pinggan	
Nasi Goreng Kerabu	1 Pinggan	
Nasi Goreng Paprik	1 Pinggan	
Nasi Goreng Pattaya	1 Pinggan	
Nasi Goreng USA	1 Pinggan	
Mee / Kuew Teaw / Beehon Bandung	1 Pinggan	
Mee / Kuew Teaw / Beehon Goreng	1 Pinggan	
Mee / Kuew Teaw / Beehon Ladna	1 Pinggan	
Mee / Kuew Teaw / Beehon Sup	1 Mangkok	
Mee / Kuew Teaw / Beehon Kari	1 Mangkok	
Mee / Kuew Teaw / Beehon Rebus / Jawa	1 Mangkok	
Laksa Johor/Penang	1 Mangkok	
Lain-lain (sila nyatakan)		

4. MAKANAN ALA BARAT / WESTERN FOOD

MENU MASAKAN	KUANTITI / SAIZ	HARGA (RM)
Assorted Muffin	1 Keping	
Baked Beans /Scramble Egg	1 Senduk	
Black Papper Steak	1 Set	
Burger Ayam	1 Set	
Burger Daging	1 Set	

Burger Special	1 Set	
Burger Telor	1 Set	
Fish Cake	1 Keping	
Chicken Chop	1 Set	
Fish & Chips	1 Set	
Chicken/ Beff/fish nugget		
Assorted Sosej	1 batang	
Chicken /beef Patty	1 Keping	
Shizzling Yee Mee	1 Set	
Spaghetti Bolognese	1 Set	
Lamb Chop	1 Set	
Grilled Chicken	1 Set	
Hot Dog	1 Set	
Pancake	1 Keping	
Pie (Blueberry / Apple)	1 Keping	
Pie (Beef / Chicken)	1 Keping	
Plain Croisset	1 Keping	
Sandwich Egg Mayonnaise	1 Set	
Sandwich Tuna Fish	1 Set	
Sardine Roll	1Keping	
Telur / Sosej / French Toast	1 Set	
Telur 1/2 Masak	2 Biji	
Lain-lain (sila nyatakan)		

5. PELBAGAI JENIS ROTI

MENU MASAKAN	KUANTITI / SAIZ	HARGA (RM)
Roti Canai	1 Keping	
Roti Telur	1 Keping	
Roti Sardin	1 Keping	
Murtabak	1 Keping	
Roti John (ayam/daging)	1 Set	
Apam Balik	1 Set	
Lain-lain (sila nyatakan)		

6. MAKANAN TEMPATAN

MENU MASAKAN	KUANTITI / SAIZ	HARGA (RM)
Nasi Putih	I Pinggan	

Ayam Goreng	1 Ketul	
Ayam Masak Kari	1 Ketul	
Ayam Masak Kicap	1 Ketul	
Ayam Masak Lemak	1 Ketul	
Ayam Masak Sambal	1 Ketul	
Ayam Masala	1 Ketul	
Ayam Rendang	1 Ketul	
Ayam Kurma	1 Ketul	
Ayam Sup	1 Ketul	
Daging Goreng	1 Ketul	
Daging Kari	1 Ketul	
Daging Kicap	1 Ketul	
Daging Kurma	1 Ketul	
Daging Masak Rendang	1 Ketul	
Daging Sambal	1 Ketul	
Ikan Asam Pedas	1 Ekor/ketul	
Ikan Goreng	1 Ekor	
Ikan Keli Goreng	1 Ekor	
Ikan Keli Goreng Bercili	1 Ekor	
Ikan Masak Kari	1 Ekor	
Ikan Masak Lemak	1 Ekor	
Ikan Masak Teow Chew	1 Ekor	
Ikan Sardine Masak Sambal	1 Ekor	
Lain-lain (sila nyatakan)		
SAYUR		
Kacang Goreng	1 Senduk	
Kangkung/Bayam Goreng	1 Senduk	
Kobis	1 Senduk	
Pajeri Nenas	1 Senduk	
Pajeri Terong	1 Senduk	
Pucuk Paku	1 Senduk	
Sup Sayur	1 Senduk	
Ubi Kentang Sambal	1 Senduk	
Tauhu Sambal	1 Senduk	
Lain-lain (sila nyatakan)		

TELUR		
Telur Ayam Sambal	1 Biji	
Telur Dadar	1 Bahagian	
Telur Itik	1 Biji	
Telur Masin	1/2 Biji	

Telur Mata Kerbau	1 Biji	
Telur Puyuh Sambal	4 Biji	
Lain-lain (sila nyatakan)		
LAIN-LAIN		
Bergedel Ayam	1 Ketul	
Bergedel Daging	1 Ketul	
Hati Masak Rempah /kicap	1 Ketul	
Paru Goreng	1 Senduk	
Paru Sambal	1 Senduk	
Sambal Udang	1 Senduk	
Ulam Dengan Sambal Belacan	1 Senduk	
Lain-lain (sila nyatakan)		

Nota:

Berat bagi 1 ekor / ketul ikan - 150gram
Berat bagi 1 ketul ayam - 180 -200gram
Berat bagi daging 1 ketul - 150gram
Berat bagi udang / sotong/ kerang -100gram
Senduk mengikut ukuran - senduk nasi
Harga bagi ikan adalah mengikut jenis / kelas ikan

Kelas 1 & 2	Kelas 3
Ikan Kurau	Ikan Kembong
Ikan Kerapu	Ikan Selar
Ikan Tenggiri	Ikan Kerisi
Ikan Bawal Hitam	Ikan Pelata
Ikan Bawal Putih	Ikan Tongkol
Ikan Merah	Ikan Sardin
Ikan Jenahak	Ikan Cencaru
Ikan Senangin	Ikan Gelama
Ikan Nyok-nyok	Ikan Kacang

7. KUIH-MUIH

MENU MASAKAN	KUANTITI / SAIZ	Berat (Gram)	HARGA (RM)
Akok	1 Biji	60g	
Buah Melaka	5 Biji	100g	

Bubur Cha Cha	1 Mangkuk	220g	
Bubur Kacang Hijau	1 Mangkuk	220g	
Bubur Kacang Merah	1 Mangkuk	260g	
Bubur Pulut Hitam	1 Mangkuk	300g	
Cik Mek Molek	1 Biji	60g	
Cucur Badak	1 Biji	60g	
Keropok Lekor	5 Keping		
Goreng Keledek	5 Batang	90g	
Goreng Pisang	5 Keping	90g	
Karipap	5 Keping	60g	
Kuih Lapis	1 Biji	60g	
Lompat Tikam	1 Biji	60g	
Donut	1 Biji	90g	
Seri Muka	1 Potong		
Pau Ayam / Daging	1 Biji		
Pau Manis	1 Biji		
Pengat Nangka	1 Mangkuk		
Pengat Pisang	1 Mangkuk		
Pengat Ubi	1 Mangkuk		
Roti Bakar Kawin (2 Keping)	1 Set		
Lain-lain (sila nyatakan)			
MAKAN RINGAN			
Waffle Cokelat	1 Keping		
Waffle Kaya	1 Keping		
Waffle Strawberry	1 Keping		
Waffle Mix	1 Keping		
Jagung Manis	1 Cup		
Lain-lain (sila nyatakan)			

8. BUAH-BUAHAN

BUAH	KUANTITI / SAIZ	Berat (Gram)	HARGA (RM)
Belimbing	1 Plastik	100g	
Betik	1 Plastik	150g	
Jambu Batu	1 Plastik	150g	

Nangka	1 Plastik	150g	
Nenas	1 Plastik	150g	
Tembikai	1 Plastik	150g	
Honey Dew	1 Plastik	150g	
Mangga	1 Plastik	150g	
Sun Melon	1 Plastik	150g	
Jambu Madu	1 Plastik	150g	
Lain-lain (sila nyatakan)			

Nota:
Ukuran mangkuk untuk bubur - 4.5"

SENARAI PEKERJA KAFETERIA

BIL	NAMA DAN NOMBOR KAD PENGENALAN	JAWATAN	KELAYAKAN	PENGALAMAN (TAHUN)	WARGANEGARA

(Gunakan kertas tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi)

NAMA:	**TANDATANGAN:**
JAWATAN:	**NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT:**

LAMPIRAN D

SENARAI PENGALAMAN
PERKHIDMATAN:KAFETERIA

BIL	NAMA KEMENTERIAN/JABATAN/SYARIKAT	LOKASI	NILAI KONTRAK	TEMPOH	
				MULA	AKHIR

(Gunakan kertas tambahan sekiranya ruang tidak mencukupi)

NAMA:	**TANDATANGAN:**
JAWATAN:	**NAMA DAN ALAMAT SYARIKAT:**

GAMBARAN KAFETERIA,INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa),103 JALAN TEMPLER,46700 PETALING JAYA,SELANGOR DARUL EHSAN



BAHAGIAN DEPAN KAFETERIA



LUAR KAFETERIA



DALAM KAFETERIA



DAPUR DALAM KAFETERIA



BELAKANG DAPUR KAFETERIA